

Malaysia kutuk ujian nuklear Korea Utara
Free Malaysia Today
Sept 10, 2016

Wisma Putra dalam kenyataannya berkata Malaysia amat kesal dengan insiden terbaru itu, yang hanya mengeruhkan lagi situasi ketegangan di rantau berkenaan.

KUALA LUMPUR: Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya ujian nuklear yang dilakukan Korea Utara pada Jumaat, dan menggesa negara itu menghentikan sebarang ujian lanjut serta program nuklear dan peluru berpandu balistiknya.

Wisma Putra dalam kenyataannya malam tadi berkata Malaysia amat kesal dengan insiden terbaru itu, yang hanya mengeruhkan lagi situasi ketegangan di rantau berkenaan.

Menurutnya ujian nuklear kedua oleh Korea Utara dalam tahun ini merupakan pencabulan yang jelas terhadap Resolusi-Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang berkaitan.

“Ia juga ancaman yang serius kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa,” kata kenyataan itu.

Malaysia turut menggesa Korea Utara supaya memenuhi obligasi antarabangnya bagi tujuan mengekalkan keamanan dan keselamatan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/10/malaysia-kutuk-ujian-nuklear-korea-utara/>